

CERAMAH "CHICKERING & REISSER : MEMAHAMI PEMBANGUNAN PELAJAR" ANJURAN UTLC

University Teaching and Learning Centre

Telah Dihantar: 06 Disember 2010 15:12

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: UUM - UTLC

06 DISEMBER 2010/29 ZULHIJAH 1431H

" UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

CERAMAH "CHICKERING & REISSER: MEMAHAMI PEMBANGUNAN PELAJAR"

Pada 22 November 2010 yang lalu, UTLC telah menganjurkan Ceramah "Chickering & Reisser: Memahami Pembangunan Pelajar" di Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen, jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi. Penceramah ialah Prof. Madya Dr. Sidek Mohd Noah dari Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Teori Chickering tentang Pembangunan Identiti (*Identity Development*) adalah satu teori psikososial yang melihat pembangunan sebagai satu siri tugas atau peringkat yang melibatkan pemikiran, perasaan dan hubungan dengan orang lain. Arthur Chickering (1969) yang memperkenalkan model pembangunan pelajar mengikut jalan psikologis Eric Erickson (1968) meletakkan beberapa tahap atau diistilahkan sebagai vektor supaya pelajar pengajian tinggi dapat menyiapkan diri ketika dalam universiti. Tujuh vektor tersebut adalah *Developing Competence, Managing Emotions, Moving through Autonomy towards Interdependence, Developing Mature Interpersonal Relationship, Establishing Identity, Developing Purpose* dan *Developing Integrity*.

Beliau juga telah menyentuh tentang tujuh (7) Kemahiran Insaniah di dalam My3S dan membincangkannya dalam konteks menghasilkan graduan yang holistik. *Kohlberg's Theory of Moral Development, Erickson's Eight Development Crisis* turut dibincangkan bersama-sama dengan *Chickering's Seven Vectors of Development*. Perbincangan juga berkisar kepada sejauhmana hubungannya konsep "JERI" (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek) dengan Teori Chickering.

Kepentingan memahami dan menghayati Teori Chickering ini dapat membantu pendidik dan pentadbir memahami konsep kehebatan peribadi yang ingin dipupuk dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Prof. Madya Dr. Sidek juga menyentuh tentang konsep integriti dan perbezaannya dengan konsep akhlak. Beliau juga membincangkan kepentingan tentang matlamat sebagai sumber motivasi yang kuat dalam kalangan pelajar. Justeru beliau berpendapat bahawa pelajar di institusi pengajian tinggi seharusnya telah berupaya menetapkan matlamat duniawi, iaitu meliputi matlamat semasa, matlamat jangka pendek dan matlamat jangka panjang, dan menetapkan matlamat terakhir (the ultimate goal). Motivasi, mengikut pandangan beliau lagi tidak akan wujud tanpa matlamat dan pelajar sewajarnya disedarkan bahawa tiadanya jalan pintas dalam hidup.

Habis.

Daripada:

Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)